

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	6 SEPTEMBER 2016

Ambil gambar dalam mahkamah dibenarkan atau tidak?

um- 6/Sept 2016

KUALA LUMPUR 5 Sept. - Mengikuti carian laman web rasmi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia, telah tertera Etika Menghadiri Mahkamah Terbuka untuk dijadikan panduan kepada orang ramai ketika menghadiri perbicaraan di mahkamah negara ini.

Antara etika yang dinyatakan adalah 'sebarang rakaman sama ada dalam bentuk audio atau visual adalah tidak dibenarkan,' namun begitu 'larangan' tersebut kini seolah-olah tidak diendahkan.

Sebagai contoh, hari ini gambar Tun Dr. Mahathir Mohamad bersalam dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas 18 tahun tidak bertemu menjadi viral di internet dan dikongsi di media-media sosial.

Gambar itu dirakamkan di dalam mahkamah ketika hakim sedang mendengar prosiding yang berjalan di kamar hakim dalam perbicaraan hari ini kes saman Anwar yang memohon perisytiharan bahawa Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 yang berkuat kuasa semalam sebagai tidak sah.

Ketika ditanya *Utusan Malaysia*, beberapa orang bekas majistret menyatakan pendapat yang berbeza mengenai etika tersebut.

Misalnya seorang bekas majistret yang pernah berkhidmat

selama lapan tahun berpendapat, perbuatan mengambil gambar di dalam mahkamah tidak salah.

"Ini kerana amalan sekarang yang ramai orang buat, termasuk para peguam sendiri adalah mengambil gambar di dalam mahkamah," kata beliau ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Namun begitu seorang lagi bekas majistret yang pernah berkhidmat selama 10 tahun berbeza pandangan.

Menurut beliau, asalkan di dalam mahkamah, tidak kira sama ada ketika ia sedang bersidang atau tidak, ia tetap dikira mahkamah terbuka.

"Kebiasaannya kalau di dalam prosiding iaitu hakim sedang bersidang, memang tidak boleh mengambil gambar. Namun jika mahkamah tidak bersidang, tidak mengapa (boleh mengambil gambar)," katanya.

Seorang lagi bekas majistret berpendapat, pekeling yang dikeluarkan oleh Mahkamah Persekutuan bukannya suatu undang-undang.

"Ia hanya suatu arahan yang dikeluarkan yang perlu dipatuhi dari semasa ke semasa.

"Mahkamah tidak boleh ambil apa-apa tindakan. Cuma mahkamah hanya boleh menghalang tindakan tersebut jika ia dilakukan dalam prosiding," katanya.